

## AKHLAK MULIA

17 NOVEMBER 2023 | 03 JAMADILAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ  
وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

## **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Antara tujuan utama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diutuskan kepada umat manusia adalah untuk menyempurnakan akhlak. Sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ

**Yang bermaksud:** *“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kebaikan akhlak.”*

Individu terbaik yang boleh dijadikan contoh kepada manusia dalam aspek akhlak mulia tidak lain dan tidak bukan ialah Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Allah Subhanahu wa Taala telah berfirman dalam Surah al-Qalam ayat 4:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

**Yang bermaksud:** *“Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.”*

Akhlak bermaksud tingkah laku, budi pekerti, perangai dan tabiat. Akhlak adalah cerminan daripada sifat yang ada dalam diri dan keimanan seseorang. Menurut Imam al-Ghazali Rahimahullah, jika seseorang memiliki sifat yang baik, ia cenderung berakhlak baik. Jika seseorang memiliki sifat tidak baik, ia cenderung memiliki akhlak yang tercela.

Berakhlak mulia bukanlah suatu pilihan, sebaliknya ia merupakan suatu kewajiban bagi umat Islam. Peranannya amatlah penting kerana ia akan memberatkan timbangan amalan baik seorang muslim untuk menyebabkan ia masuk ke syurga. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

مَا مِنْ شَيْءٍ فِي الْمِيزَانِ أَثْقَلُ مِنْ حُسْنِ الْخُلُقِ

**Yang bermaksud:** *“Tiada suatu perkara yang lebih berat timbangan amalannya melainkan daripada akhlak yang mulia.”*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Lawan kepada akhlak mulia adalah akhlak yang buruk atau akhlak yang tercela. Antara contoh akhlak yang buruk adalah perbuatan suka mengumpat atau ghibah, hasad dengki, memfitnah,

mencuri, sombong dan lain-lain. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ مَعَالِيَ الْأُمُورِ وَأَشْرَافَهَا، وَيَكْرَهُ سَفْسَافَهَا

**Yang bermaksud:** “*Sesungguhnya Allah Taala menyukai perkara-perkara (akhlak-akhlak) yang tinggi lagi mulia dan Allah membenci perkara-perkara (akhlak-akhlak) yang keji*”.

Ghibah maksudnya mengumpat atau pada hari ini dinamakan ‘bergosip’ atau ‘membawang’ merupakan perbuatan keji yang tercela di sisi Islam. Ia disifatkan dalam al-Quran seumpama memakan bangkai saudara sendiri. Ghibah memberi kesan buruk seperti mencetuskan permusuhan, salah sangka dan menyebarkan kebencian. Demikian juga fitnah iaitu mengatakan sesuatu perkara yang tidak benar dan ia lebih berbahaya daripada membunuh. Berwaspadalah supaya kita tidak terjerumus dalam dosa besar ghibah dan fitnah termasuk dalam penggunaan media sosial pada zaman ini. Jangan suka berkongsi berita yang belum pasti kesahihannya atau menulis komen-komen jelek tentang orang lain sewenang-wenangnya.

Hasad dengki juga merupakan satu lagi contoh akhlak yang tercela. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

إِيَّاكُمْ وَالْحَسَدَ فَإِنَّ الْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الْحَطَبَ

**Yang bermaksud:** “*Hendaklah kalian menjauhi sifat hasad dengki, kerana ia menghapuskan kebaikan, seperti mana api membakar kayu.*”

Jangan ada perasaan sakit hati melihat kesenangan orang lain, apatah lagi sesama muslim kerana Allah Subhanahu wa Taala memerintah kita supaya bersatu-padu dan saling mengasihi antara satu sama lain.

Islam mengajar kita, menutup aib orang lain dan bukan membuka serta menyebarnya. Hari ini masyarakat kita suka merakam dan menyebarkan video keaiban atau kelemahan sehingga kesilapan yang kecil menjadi kesalahan yang besar. Sebagai contoh menularkan “viral” kesilapan kecil seperti mengambil gambar makanan di salah satu premis makanan dan menularkan makanan tersebut tidak puas hati olehnya menyebabkan pemilik premis makanan tersebut malu dan terpaksa menutup perniagaan

mereka. Begitu juga, kesilapan kecil pemimpin-pemimpin, kontraktor, kaunter perkhidmatan dan lain-lain sehingga mengundang kecaman dan menjatuhkan reputasi jabatan atau individu. Salah satu akhlak yang baik hendaklah kita menegur setiap kesilapan dengan cara yang sopan dan melalui saluran yang betul.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Marilah kita berusaha menjadi seorang muslim yang memiliki akhlak yang terpuji. Hanya dengan itu kita akan dapat bersama-sama Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam di akhirat kelak seperti mana yang Baginda Salallahu Alaihi Wasallam sabdakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi yang bermaksud: *“Sesungguhnya yang paling aku cintai antara kamu dan paling dekat tempat duduknya denganku pada hari kiamat adalah mereka yang paling baik akhlaknya antara kamu.”*

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ

الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

**Yang bermaksud:** “*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ

الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ

الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ

الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.